

<b>Headline</b>	Dua ahli lembaga pengarah TNB tarik diri		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	16 May 2018	<b>Language</b>	Malay
<b>Circulation</b>	171,663	<b>Readership</b>	563,000
<b>Section</b>	Ekonomi	<b>Page No</b>	13
<b>ArticleSize</b>	222 cm <sup>2</sup>	<b>Journalist</b>	N/A
<b>PR Value</b>	RM 13,163		



## Dua ahli lembaga pengarah TNB tarik diri

**KUALA LUMPUR 15 Mei** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengesahkan dua ahli lembaga pengaruhnya iaitu Datuk Abd. Manaf Hashim dan Datuk Sakthivel Alagappan menarik diri secara sukarela daripada menganggotai lembaga pengarah syarikat tersebut.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, berdasarkan notis yang diberikan, pada awalnya terdapat empat ahli lembaga pengarah mahu melalui proses pemilihan semula tetapi kemudiannya hanya dua sahaja memilih untuk tidak melalui proses tersebut.

Katanya, keputusan itu dibuat atas anggapan bahawa pelantikan mereka sebelum ini mempunyai hubung kait dengan politik dan mereka tiada lagi di dalam lembaga pengarah TNB.

"Secara dasarnya sebarang pelantikan pengarah bebas adalah tertakluk kepada lembaga pengarah dan mana-mana pencalonan yang dibuat perlu mengambil kira latar belakang kelayakan profesional mereka sebelum sebarang keputusan dibuat.



**ABD. MANAF  
HASHIM**

**SAKTHIVEL  
ALAGAPPAN**

"Bagaimanapun, dengan pentadbiran kerajaan baru (seperti dinyatakan dalam kenyataan media mereka sebelum ini), kami sebagai syarikat milik kerajaan (GLC) juga perlu bersikap profesional dalam apa jua yang kami lakukan.

"Untuk itu, operasi TNB juga perlu sejahtera dengan kerajaan hari ini yang mengutamakan profesionalisme dan tadbir urus yang baik serta pada masa sama menilai setiap pelaburan yang dibuat demi manfaat pemegang saham dan juga negara," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat

Agung Tahunan (AGM) TNB ke-28 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd. dan Ketua Pegawai Kewangan TNB, Datuk Fazlur Rahman Zainuddin.

Majlis Penasihat Kerajaan yang dipengerusikan Tun Daim Zainuddin mengingatkan setiap syarikat pelaburan milik

kerajaan (GLIC) dan syarikat milik kerajaan (GLC) supaya mengasingkan pengurusan institusi secara profesional daripada sebarang campur tangan yang tidak wajar daripada ahli politik atau pihak luar yang lain. Ia juga akan mengkaji semula kedudukan perwakilan daripada kalangan ahli politik yang berada di dalam lembaga pengarah GLIC dan GLC.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia petang ini, TNB berkata, kedua-duanya membuat keputusan tidak menyertai pemilihan semula dan kekal sehingga AGM ke-28 dimuktamadkan.